

## PERANAN JAIJ DALAM MEMBASMI AJARAN SESAT

### 1. CARA JAIJ MENGENAL PASTI KUMPULAN AJARAN SESAT.

Dalam usaha untuk membasmi ajaran sesat, pihak Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) terlebih dahulu memastikan bahawa ajaran-ajaran yang dimaksudkan itu benar-benar mengandungi unsur-unsur yang mera-gukan dan bertentangan dengan Islam. Untuk menjayakan usaha ini, pihak JAIJ telah mengatur strategi bagi melicinkan proses pembasmian tersebut.

Untuk menjaga kesucian dan halehwal Islam, JAIJ telah melantik imam-imam di setiap daerah dan kampung, mereka ini selain ditugaskan menjadi imam sewaktu sembahyang berjemaah di masjid-masjid juga bertanggungjawab ke atas segala urusan keagamaan di kawasan masing-masing.. Oleh itu imam-imam ini ditugaskan untuk mengawasi ahli-ahli masyarakatnya daripada terlibat dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama.

Dengan itu secara tidak langsung mereka juga dipertanggungjawabkan untuk mengintip dan memerhatikan kegiatan ajaran sesat di kawasan mereka.<sup>1</sup> Sekiranya terdapat mana-mana kegiatan ajaran salah di dalam kampung masing-masing, mereka akan membuat laporan kepada JAIJ

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, Pegawai Penyelidikan Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) pada 24hb. Oktober, 1989.

atau Pejabat Islam Daerah yang berhampiran dengannya.

Di samping itu orangramai dan pihak polis juga turut memainkan peranan dalam membasmi ajaran sesat di Negeri Johor ini. Mereka turut memberikan maklumat mengenai sesuatu kegiatan atau ajaran yang meragu kan kepada pihak JAIJ. Biasanya aduan orangramai diterima melalui surat atau melalui telefon.

Selain berhubung terus dengan JAIJ terdapat juga di kalangan mereka yang membuat aduan terlebih dahulu kepada pihak polis. Kemudian aduan ini akan disampaikan kepada JAIJ untuk disiasat dan dise lidiki dengan lebih lanjut, ini kerana pihak JAIJ yang bertanggungjawab dalam hal ini.

Setelah pihak JAIJ menerima laporan mengenai ajaran salah JAIJ akan mengarahkan Bahagian Penyelidikan dalam jabatannya melakukan pen siasatan yang teliti terhadap segala aduan yang diterima bagi mendapatkan fakta-fakta yang sebenar.<sup>1</sup> Segala hasil siasatan tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor untuk diberi fatwa samada ajaran yang dikaji itu salah atau sebaliknya. Segala keputusan dari jemaah ulamak tersebut akan diterima dan diikuti oleh orangramai.

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, pada 24.10.1989.

A. Sifat-sifat ajaran yang tercipta dalam, kelahiran Diniyyatkuwa  
Yang Permakudah pulih akan termasuk ke dalam faktor-faktor menentukan atau faktor  
faktor yang menunjukkan kesalahan teori ajaran tersebut, ini untuk  
memudahkan mereka melangkah kawakapan dan dikenal terhadap kumpulan  
ajaran.

Sehingga kini, CTA telah berjaya mengesan beberapa ajaran yang  
disyaki menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar, di antaranya  
ialah:

- 1) Ajaran Taslim, Segamat Johor.
- 2) Ajaran Nur Zaman, Batu Pahat Johor.
- 3) Ajaran Syed Mohd Harith bin Busu, Tampoi Johor Bahru.
- 4) Ajaran Tariqat Naksyabandiah Al-Aliah Kota Tinggi Johor.
- 5) Ajaran Ilmu Al-Hak, Kempas Johor Bahru.
- 6) Amalan Tariqat Naksyabandiah Kadariah, Muar Johor.
- 7) Ajaran Puan Rogayah Abdul Rahman, Batu Pahat Johor.

Semua ajaran tersebut tersebut telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor dan telah difatwakan sebagai aja-  
ran-ajaran sesat.

## 2. CIRI-CIRI AJARAN SESAT.

Berdasarkan kepada kujian dan penyelidikan yang dilakukan oleh  
Kajati dan penyelidikan JAIJ terhadap kejadian ajaran sesat, mereka  
telah merumuskan beberapa ciri yang diperolehi daripada ajaran sesat

tersebut. Dengan terdedahnya ciri-ciri ini sedikit sebanyak boleh memberi pedoman kepada masyarakat untuk menilai sesuatu ajaran itu samada bertepatan dengan Islam yang sebenar atau sebaliknya.

Masyarakat Islam boleh mengenali sesuatu ajaran itu salah atau benar berbanduan kepada ciri-ciri berikut:

1) Gerakan mereka adalah rahsia.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Segala aktiviti yang dijalankan oleh sesuatu kumpulan ajaran sesat biasanya rahsia dan hanya untuk ahlinya sahaja. Setiap pengikutnya dikehendaki melakukan "bai<sup>c</sup>ah" serta bersumpah menyimpan rahsia kemudian seseorang guru ajaran sesat akan membuka rahsia ilmu hakikat atau ilmu isi yang mereka maksudkan pada waktu yang telah ditetapkan. Tuan guru ajaran itu mendakwa, orang yang mempelajari dan mengamalkan ilmunya itu akan memperolehi segala yang dihajati, segala rahsia akan terbuka dan tersingkaplah hijab mereka dengan Allah S.W.T.<sup>2</sup> Ajaran ini bertentangan dengan prinsip penyebaran dakwah Islam yang dilakukan secara terbuka.

2) Mengatakan Syariat Islam itu ada zahir dan batin.<sup>3</sup>

Dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan syariat Islam seperti Al-Quran, "syahādah", kenabian, sembahyang, puasa, haji dan

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, pada 24.10. 1989.

<sup>2</sup> Mohd Amin bin Saleh, "Ciri-Ciri Kesesatan Dalam Sesuatu Amalan/Ajaran, Masa, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, m.s. 34.

<sup>3</sup> ibid., m.s. 33.

lain-lainnya, pengikut ajaran sesat ini mengatakan ada zahir dan batin nya. Mereka mendakwa alim ulamak dan fuqaha Islam yang ada pada hari ini hanya mengetahui perkara-perkara zahir sahaja tanpa mengetahui tentang ilmu hakikat dan ilmu isi. Sebaliknya mendakwa, mereka lah yang mempelajari dan mengetahui ilmu tersebut. Menurut ajaran ini bagi mereka yang telah mendapat isi secara otomatik tidak perlu kepada kulinnya juga mereka yang telah sampai kepada ilmu hakikat dengan sendirinya zahir tidak perlu bagi mereka. Dengan ini nyatalah pengikut ajaran sesat menolak segala zahir syariat Islam, kalaupun dikerjakan apa-apa syariat zahir ini, ia hanyalah sebagai adat dan menjaga peraturan di dunia sahaja.

### 3) Mendakwa dirinya wali.<sup>1</sup>

Biasanya guru-guru yang menyebarkan ajaran sesat ini mendakwa dirinya menjadi wali Allah dan memperolehi ilmu kenabian atau kerasulan melalui mimpi. Ini berlaku dalam ajaran sesat yang dibawa oleh Puan Rogayah bte Abdul Rahman Di Sri Gading Batu Pahat, Johor pada tahun 1985,<sup>2</sup> beliau mendakwa telah memperolehi ilmu tersebut di Sarawak melalui mimpi-mimpi yang menyuruhnya mengingati Allah. Beliau mengaku telah mendapat kenabian dan ajarannya sama dengan ajaran Rasulullah.

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, pada 24.10.1898.

<sup>2</sup> Abdul Rahim Othman, "Ajaran Puan Rogayah bte Abdul Rahman" Bahagian Penyelidikan, JAIJ, 1985, m.s. 4.

.) Membentafsirkan Al-Quran dan Hadith berdasarkan kepada hawa nafsu.<sup>1</sup>

Biasanya guru-guru ajaran tersebut membuat huraian dan penafsiran Al-Quran dan Hadirh berdasarkan kepada dorongan hawa nafsu sahaja tanpa berpandukan kepada bahan-bahan rujukan yang sah. Ini kerana untuk disesuaikan dengan kesenangan hidup di dunia, oleh itu terdapat penafsiran yang bersalah dengan kehendak Islam yang sebenar.

5) Mengamalkan zikir secara beramai-ramai.<sup>2</sup>

Kumpulan-kumpulan ajaran sesat juga selalunya mengamalkan zikir beramai-ramai pada waktu tengah malam. Sewaktu melakukan zikir ini mereka bercampur di antara lelaki dan perempuan dalam keadaan berkelubung dan berkelambu dengan kain kuning atau merah dan lainnya.

5) Melakukan upacara aqiqah dan mandi.<sup>3</sup>

Guru-guru yang membawa ajaran sesat mensyaratkan kepada pengikutnya membuat aqiqah dan melakukan mandi, kononnya untuk mensucikan diri dari segala dosa. Upacara mandi akan dilakukan sendiri oleh tuan guru pada waktu malam ke atas pengikutnya samada lelaki maupun perempuan. Mereka juga dikenakan bayaran sebagai pengeras. Amalan seperti ini juga bertentangan dengan ajaran Islam yang mensyaratkan umatnya supaya tidak mendedahkan aurat kepada keręka yang

---

<sup>1</sup> Temuuan dengan Ustaz Abdul Latif Awang, pada 24.10.1989.

<sup>2</sup> Icid.

<sup>3</sup> Isie.

yang bukan muhrimnya. Dalam Islam juga tidak ada konsep aqiqah dan basera mandi sebagai penghapus dosa.

\*) ilmu-ilmu yang diajarkan oleh seseorang guru dalam kumpulan ajaran sesat biasanya dicampur-adukkan dengan perkara-perkara khurafat, "tahyul", "bid'ah" atau perkara kebatinan sesat yang membawa kepada syirik dan kufur.

Demikianlah unsur-unsur pengajaran yang terdapat dalam sesuatu kumpulan ajaran sesat. Oleh itu umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada terhadap mereka yang mendakwa sebagai "Tuan Guru" yang membawa sesuatu ajaran. Sekiranya dalam ajaran mereka terdapat unsur-unsur yang telah disebutkan di atas, maka tidak syak lagi ianya bertentangan dengan Islam tidak kira ajaran tersebut di bawah nama apa sekali pun samada tariqat, tajali, suluk dan lain-lainnya. Semua ini merupakan kumpulan ajaran sesat yang harus dijauhi.

Masyarakat Islam tidak seharusnya mudah terpengaruh dengan ajaran sesat yang boleh merosakkan aqidah umat Islam. Umat Islam sepatutnya mendalami ilmu-ilmu agama dari guru-guru yang mempunyai pendidikan agama yang cukup dan bertauliah.

### 3. LANGKAH-LANGKAH JAIJ KEPADA MASYARAKAT DALAM MEMBASMI AJARAN SESAT.

Dalam usaha untuk memerangi ajaran sesat, pelbagai cara telah dilakukan oleh JAIJ dengan kerjasama dari orangramai dan pihak polis. usaha-usaha JAIJ ini boleh dikategorikan kepada dua bahagian, pertama tindakan yang dilakukan ke atas masyarakat, di mana JAIJ telah memberi kesedaran kepada orangramai tentang bahaya ajaran sesat yang mengancam perpaduan umah. Kedua, tindakan penguatkuasaan terhadap kumpulan-kumpulan ajaran sesat.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh JAIJ untuk memerangi ajaran sesat untuk kebaikan masyarakat dan menjaga kesucian agama Islam ialah:<sup>1</sup>

#### 1) Mengadakan Bahagian Penguatkuasaan Dan Pendakwaan.

Pihak JAIJ telah mengadakan bahagian ini dalam jabatannya untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana kumpulan ajaran sesat yang telah dilaporkan kepadanya setelah mendapatkan bukti. Badan ini bertanggungjawab untuk mengadakan operasi-operasi terhadap kumpulan-kumpulan ajaran salah untuk dibawa kemuka pengadilan.

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, pada 24.10.1989.

2) Mengadakan Badan Penyelidikan.

JAIJ telah mengadakan bahagian ini dalam jabatannya, badan ini sentiasa melakukan penyelidikan terhadap kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang terdapat di Negeri Johor. Hasil daripada penyelidikan tersebut akan dibawa kepada Lujnah Fatwa Negeri Johor untuk mendapatkan fatwa bagi ajaran tersebut. Apabila telah nyata kesesatannya, segala penyelewengan dalam ajaran tersebut akan didedahkan kepada masyarakat, ini bertujuan untuk menyedarkan orangramai tentang bahaya ancaman ajaran sesat terhadap aqidah Islam. Dengan itu bahagian penyelidikan mengharapkan agar orangramai bekerjasama dan bersikap positif dalam membanteras ajaran sesat yang berkembang di Johor.

3) Mengadakan pameran barang-barang rampasan.

Dalam usaha untuk menyedarkan orangramai tentang bahaya ajaran sesat ini, JAIJ juga telah mengadakan pameran mengenainya di bangunan Komplek Islam Johor Bahru. Dalam pameran ini ditunjukkan barang-barang rampasan tersebut seperti kain merah, kain kunung, sarong ketupat kosong, anak panah, buluh, buku-buku dan kaset-kaset yang digunakan oleh tuan-tuan guru ajaran sesat untuk mengajar pengikut-pengikutnya, gambar-gambar orang yang terlibat dalam kumpulan tersebut dan lain-lain juga turut dipamerkan. Dengan adanya pendedahan yang berbentuk begini diharapkan orangramai dapat mengetahui bahan-bahan yang digunakan oleh sesuatu kumpulan ajaran sesat supaya mereka dapat mengenali dan menjauhkan diri daripada kumpulan tersebut.

4) Mengadakan ceramah di masjid-masjid.

Untuk menjayakan lagi usaha JAIJ dalam memerangi ajaran sesat ini, orangramai juga telah diberi penerangan mengenainya melalui ceramah-ceramah yang disampaikan di masjid-masjid dalam sebuah mukim. Ceramah-ceramah agama ini biasanya disampaikan oleh imam-imam yang telah dilantik oleh JAIJ atau guru-guru yang mempunyai tauliah. Usaha ini adalah untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya dan salahnya ajaran ini. Penerangan dan pengetahuan agama yang diberikan melalui ceramah-ceramah tersebut diharapkan menjadi benteng dan menjauhkan orangramai dari pengaruh ajaran sesat yang semakin berleluasa di Negeri Johor.

5) Mengadakan kuliah-kuliah maghrib.

Untuk mencapai matlamatnya, JAIJ telah mengarahkan imam-imam masjid di setiap kampung mengadakan kuliah-kuliah maghrib di masjid masing-masing. Dalam kuliah-kuliah ini pihak JAIJ telah memberikan kebenaran kepada mereka yang bertauliah untuk memberikan ceramah atau mengadakan kelas-kelas "fardu 'ain" kepada orangramai. Dengan ini diharapkan masyarakat akan memperolehi pengetahuan agama yang cukup dan mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam kegiatan yang tidak dingini dan menyimpang dari ajaran Islam.

6) Mengadakan Kursus Kefahaman Islam.

JAIJ juga sering mengadakan kursus kefahaman Islam di kalangan ibubapa dan golongan belia. Tujuan diadakan kursus ini ialah untuk

memberikan kefahaman Islam yang sebenarnya kepada masyarakat. Biasanya dalam kursus-kursus seperti ini beberapa kertaskerja mengenai hal-hal keagamaan akan dibentangkan. Para peserta kursus juga diberi peluang untuk bertanyakan sesuatu persoalan agama yang tidak difahaminya. Pemahaman yang benar terhadap Islam akan mengelakkan seseorang dari melakukan penyelewengan terhadap aqidah Islam, sebaliknya membuatkan mereka berpegang teguh kepada aqidah yang mereka percayai.

#### 7) Kerjasama Jabatan Penerangan dan Penerbitan.

Dalam usaha untuk membanteras ajaran sesat, Jabatan Penerangan dan Penerbitan juga turut memainkan peranananya. Jabatan Penerangan telah memberikan beberapa keterangan mengenai ajaran sesat sewaktu mengadakan majlis-majlis perjumpaan dengan orangramai. Manakala Bahagian Penerbitan pula mengeluarkan risalah-risalah berkenaan dengan itu lalu disebarluaskan kepada orangramai, terdapat juga risalah tersebut yang telah diwartakan ke dalam Warta Kerajaan Negeri Johor.

#### 4. LANGKAH-LANGKAH JAIJ TERHADAP KUMPULAN AJARAN SESAT.

Di dalam kertas projek ini, penulis telah mendedahkan langkah-langkah yang diambil oleh JAIJ bagi kepentingan masyarakat dalam menghadapi gerakan ajaran sesat. Di sini juga penulis akan mengemukakan tindakan yang diambil oleh JAIJ terhadap kumpulan ajaran sesat itu sendiri.

Biasanya sebelum mengambil tindakan ke atas sesuatu kumpulan ajaran sesat, pihak JAIJ melakukan penyelidikan terlebih dahulu setelah mendapat aduan dari orang ramai atau pihak polis. Setelah didapati bersalah, JAIJ akan mengarahkan guru yang terbabit menghentikan ajaran nya dan bertaubat kepada Allah seterusnya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.<sup>1</sup> Keinginan guru tersebut mematuhi arahan JAIJ menyebabkan JAIJ mengambil tindakan tegas terhadap kumpulan yang terbabit. Di antara tindakan yang dikenakan ke atasnya ialah:-

- 1) Mengadakan operasi ke atas kumpulan-kumpulan ajaran sesat.

JAIJ sentiasa melakukan operasi ke atas kumpulan-kumpulan ajaran sesat. Biasanya operasi ini dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Bahagian Penyelidikan, Qadi ~~Qaerah~~ dan pihak polis.<sup>2</sup> contohnya pada 11.3.1984 mereka telah membuat serbuan ke atas kumpulan "Syed Mohd Harith bin Busu" di 83D Jalan Kunang-Kunang, 6 SEDC Tampoi Johor Bahru, pada jam 8.00 malam.<sup>3</sup> Pada tahun yang sama juga operasi telah dilakukan ke atas kumpulan "Tariqat Naksyabandiah Al-liah" di Felda Air Tawar empat Kota Tinggi. Manakala pada 11.4.1985 operasi telah dilakukan ke atas kumpulan "Ilmu Al-Hak" di Lot 1208, Denai 4, Kempas Baru Johor Bahru, pada jam 12.00 tengahmalam.

Begitulah operasi yang telah dilakukan di samping operasi-operasi lain yang dibuat ke atas kumpulan-kumpulan ajaran sesat.

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, pada 24.10.1989.

<sup>2</sup> ibid.

<sup>3</sup> Abdul Rahim Othman, "Ajaran Syec Mohd Harith bin Busu", m.s.2.

2) Mengendakan hukuman ke atas guru ajaran sesat.

Enakmen pentadbiran Agama Islam 1978 telah menetapkan terhadap mereka yang mengajar atau menghuraikan sesuatu ajaran atau mengamalkan sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Menurut enakmen ini, mereka yang terlibat boleh didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>1</sup> Walaubagaimanapun kadar hukuman ke atas mereka boleh ditambahkan dengan cara mempelbagaikan tuduhan ke atas guru-guru yang bertanggungjawab menyebarkan ajaran salah, seperti mengenakan tuduhan mengajar tanpa tauliah, berzina dan sebagainya.<sup>2</sup>

3) Merampas bahan-bahan yang digunakan.<sup>3</sup>

Pihak JAIJ juga mempunyai kuasa untuk melakukan rampasan ke atas barang-barang atau peralatan yang digunakan oleh sesuatu kumpulan ajaran sesat, seperti kitab-kitab, kaset, kain, buluh dan sebagainya. Barang rampasan ini akan disimpan oleh JAIJ untuk dipamerkan dalam usaha membantu masyarakat Islam memahami ajaran sesat.

4) Menjalin hubungan dengan bekas penganut ajaran sesat.

Untuk lebih menjayakan lagi usaha pembasmian ini, JAIJ telah mengadakan hubungan secara langsung dengan mereka yang terlibat dalam

---

<sup>1</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, op.cit., m.s. 67.

<sup>2</sup> Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, pada 24.10.1989.

<sup>3</sup> ibid.

ajaran salah. JAIJ biasanya menyimpan butir-butir peribadi mereka dan dihubungi untuk memberi peluang kepada mereka ikut serta dalam kelas-kelas agama, ceramah-ceramah, kursus-kursus kerahaman Islam dan lain-lain aktiviti keagamaan yang diaturkan oleh JAIJ. Dengan cara ini mereka tidak akan kembali kepada gerakan ajaran sesat di samping dapat mempertingkatkan lagi pengetahuan mereka dalam soal-soal keagamaan.

Jelasnya Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membanteras ajaran sesat daripada terus berkembang dalam masyarakat. Memandangkan bahayanya ajaran ini maka masyarakat tidak seharusnya memandang ringan terhadap usaha murni ini, sebaliknya hendaklah berpadu tenaga dengan pihak JAIJ untuk memerangi ajaran sesat ini. Dengan kerjasama ini diharapkan matlamat JAIJ untuk menjaga kesucian Agama Islam dan halehwal keagamaan di Negeri Johor akan dapat dipenuhi.